



MANUAL PENGGUNAAN MURID — JDC

Modul Tahun 6 • Operasi Firewall


Panduan langkah demi langkah untuk kadet baharu modul Tahun 6 — dari membuka laman web sehingga menjawab misi pertama. Nombor merah dalam gambar sepadan dengan nombor dalam arahan.

jdc.muaredu.com

1

Buka laman web dan pilih Tahun 6

Taip **jdc.muaredu.com** pada pelayar web (Chrome, Edge atau Safari). Pada skrin utama, klik kad **Tahun 6** — kad pertama dengan ikon kubu merah.




Klik kad **Tahun 6 • Operasi Firewall** (dalam kotak merah).

2

Tekan "Mulakan Misi"

Skrin **Operasi Firewall** akan muncul bersama cerita misi. Baca cerita itu, kemudian tekan butang ► **Mulakan Misi**.



Butang **Mulakan Misi** berada di bawah cerita.

3

Isi borang pendaftaran kadet

Kali pertama bermain, borang pendaftaran akan muncul. Isi semua maklumat dengan betul:

- 1 **Nama Penuh** — tulis nama sebenar anda.
- 2 **ID Delima** — taip ID Delima anda, contohnya **nama@moe-dl.edu.my**. Markah anda direkodkan mengikut ID ini!
- 3 **Sekolah** — pilih sekolah anda daripada senarai. Hanya sekolah rendah yang disenaraikan.
- 4 **Kelas** — tulis kelas anda, contohnya *6 Bestari*.
- 5 Tekan **Daftar & Mula** ✓.

The image shows a registration form for the CYBER AGENT ACADEMY. The form is titled "PENDAFTARAN KADET" and "Daftar Sebelum Misi". It includes instructions to use the Delima ID. The form has five numbered steps: 1. Nama Penuh (Full Name) filled with "Aisyah binti Ahmad"; 2. Delima (cth. nama@moe-dl.edu.my) filled with "aisyah@moe-dl.edu.my"; 3. Sekolah (School) filled with "JBA6041 — SK BENUT"; 4. Kelas (Class) filled with "6 Bestari"; 5. A button labeled "Daftar & Mula ✓".

CYBER AGENT ACADEMY
OPERASI FIREWALL

Isi maklumat kadet. Markah anda akan direkodkan mengikut ID Delima.

1 Nama Penuh
Aisyah binti Ahmad

2 Delima (cth. nama@moe-dl.edu.my)
aisyah@moe-dl.edu.my

3 Sekolah
JBA6041 — SK BENUT

4 Kelas
6 Bestari

5 Daftar & Mula ✓

Contoh borang yang telah diisi dengan lengkap.


PENTING

Gunakan ID Delima yang **sama setiap kali** anda bermain. Jika ID berbeza, markah lama anda tidak akan bersambung.

4

Terima taklimat misi

Watak Akademi akan memberi taklimat misi. Baca pesanannya, kemudian tekan **Terima Misi** ✓ untuk mula menjawab.



Tekan **Terima Misi** selepas membaca taklimat.

5

Kenali skrin misi anda

Setiap misi mempunyai bahagian yang sama. Kenali dahulu sebelum menjawab:

- 1 **Panel misi** — watak Akademi, tajuk misi dan XP yang boleh dikumpul.
- 2 **Soalan** — baca dengan teliti. Kata kunci ditulis dalam warna jingga.
- 3 **Ruang aktiviti** — di sinilah anda menjawab: klik, seret, atau taip mengikut arahan misi.
- 4 **Butang Tips** 💡 — petunjuk jika buntu (lihat Langkah 6).
- 5 **Semak Jawapan** — tekan selepas menjawab untuk semak betul atau salah.
- 6 **Menu misi** — lompat ke mana-mana misi. Bulatan nombor di atas menunjukkan kemajuan anda.

CRA - TAHUN 6
LEVEL 1 - Agent Basic Training

Misi 1 — Sistem Web Te

Kembali

1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 11 12 13 14 15 16 17 18 19
20 21 22 23 24 25 26 27 28 29 30 31 32 33 34 35 36 37
38 39 40 41 42 43 44 45 46 47 48

CRA-001 • Misi 1

Komander Arif
Ketua Cyber Agent Academy

LEVEL 1 - AGENT BASIC TRAINING
Aktifkan Terminal Akademi
"Kadet, skrin Akademi tersekat! Tolong baiki."

XP
+20
Observer Badge

malaysia - Google Search
https://www.lamanwebsaya.com.my

← → ↻ 🏠

Klik ikon pada **bar alat** di atas.

Halaman web ini tidak bergerak.

2 Butang manakah perlu diklik untuk **muat semula** halaman?

3 Jawapan: ...

Tip: klik butang bulat besar di bawah gambar pelayar web untuk memilih jawapan.

5 Cuba Semula Semak Jawapan

4 Tips

Skrin Misi 1 — setiap bahagian ditanda dengan nombor merah.

SIMPANAN AUTOMATIK

Ikon satelit 📶 di penjuru atas menunjukkan markah anda dihantar ke server secara automatik. Anda boleh sambung bermain di rumah — log masuk semula dengan ID Delima yang sama.

6

Buntu? Tekan butang Tips

Tekan butang 💡 **Tips** di penjuru kanan bawah. Petunjuk akan muncul untuk membantu anda berfikir — ia tidak memberi jawapan terus.

CAA - TAHUN 6
LEVEL 1 - Agent Basic Training

Misi 1 — Sistem Web Te

Kembali

L1 1 2 3 4 5 6 7 8 L2 9 10 11 12 13 14 15 L3 16 17 18 19
20 21 22 23 CP 24 L4 25 26 27 28 L5 29 30 31 32 33 34 35 36 L6 37
38 39 40 FINAL 41 42 43 44 TRIAL 45 46 47 48

CAA-001 • Misi 1

Komander Arif
Ketua Cyber Agent Academy

LEVEL 1 - AGENT BASIC TRAINING
Aktifkan Terminal Akademi
"Kadet, skrin Akademi tersekat! Tolong baiki."

XP
+20
Observer Badge

malaysia - Google Search
https://www.lamanwebsaya.com.my

Halaman web ini tidak bergerak.

Butang manakah perlu diklik untuk **muat semula** halaman?

Jawapan: ...

Tip: klik butang bulat besar di bawah gambar pelayar web untuk memilih jawapan.

Klik ikon pada **bar alat** di atas.

Cuba Semula Semak Jawapan

Cari ikon anak panah berpusing.

Tips

Contoh petunjuk untuk Misi 1.

7

Semak jawapan dan teruskan

Selepas menjawab, tekan **Semak Jawapan**:

- 1 **Betul!** — kotak hijau muncul dengan penerangan jawapan. Baca penerangan itu, ada ilmu tambahan!
- 2 Tekan **Seterusnya** > untuk ke misi berikutnya.

Jawapan betul — maklum balas hijau dan butang Seterusnya.

JANGAN RISAU JIKA SALAH

Anda boleh tekan  **Cuba Semula** dan jawab sekali lagi. Cuba jawab betul pada percubaan pertama untuk XP penuh!

Ringkasan pantas

1. Buka **jdc.muaredu.com**
2. Klik kad **Tahun 6**
3. Tekan **Mulakan Misi**
4. Daftar dengan **ID Delima** anda (kali pertama sahaja)
5. Terima taklimat, jawab **48 misi**, kumpul XP & badge
6. Buntu? Tekan  **Tips** · Salah? Tekan  **Cuba Semula**

ADA MASALAH?

Tersilap isi maklumat, terlupa ID, atau laman tidak dapat dibuka — beritahu guru anda.